

# UTHM tuan rumah majlis pentauliahahan, perhimpunan Kor Sispa

JOHOR BAHRU 20 Ogos - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) akan menjadi tuan rumah Majlis Pentauliahahan dan Perhimpunan Peringkat Kebangsaan Kor Siswa-Siswi Pertahanan Awam (Sispa) Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2013 mulai Jumaat ini.

Sispa merupakan salah satu badan beruniform yang diwujudkan di dalam IPT bertujuan memperkasakan

kemahiran insaniah para mahasiswa khususnya dalam aspek pertahanan awam dan operasi menyelamat.

Pegawai Perhubungan Awam UTHM, Shafry Salim berkata, seramai 1,518 peserta dan pegawai pengiring daripada 24 agensi yang terdiri daripada 12 IPT awam dan swasta (IPTA/IPTS) dan dua institut perguruan mengambil bahagian dalam

perhimpunan selama lima hari itu.

Beliau berkata, upacara perasmian diadakan Sabtu ini dan disempurnakan oleh Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin.

"Kemuncak acara bagi perhimpunan itu ialah Majlis Pentauliahahan kepada 233 pegawai kadet kor Sispa IPT yang terlibat.

"Sementara itu, Timbalan Men-

teri Dalam Negeri, Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar dijadual menyempurnakan Majlis Pentauliahahan yang diadakan di Padang Kawad UTHM Selasa ini," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Shafry berkata, para peserta akan mengikuti pelbagai acara dan pertandingan yang akan menguji kemahiran serta jati diri mereka.

"Antara pertandingan kemahiran yang akan diadakan ialah kemahiran pertolongan cemas, menyelamat aras tinggi, melawan kebakaran dan kawad kaki."

"Para peserta juga akan terlibat dalam aktiviti khidmat masyarakat bertemakan alam sekitar bersama penduduk di sekitar kampus UTHM," katanya.